

Kepentingan buruh diutamakan

KUALA LUMPUR, 7 May 1990 — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan sentiasa mendahulukan kepentingan buruh, tetapi pada masa yang sama tidak akan membiarkan sebarang tindakan yang menjejaskan kestabilan ekonomi negara.

"Falsafah kita mengenai buruh dan kegiatan kesatuan sekerja adalah mengutamakan kepentingan buruh tanpa menjejaskan ekonomi negara. Dasar kerajaan ini dibuat mengikut keadaan di negara kita," kata Perdana Menteri.

Malangnya, tegas beliau, dasar liberal kerajaan terhadap pergerakan buruh dijadikan alat oleh golongan luar yang menuduh kerajaan tidak memberikan kebebasan kepada pekerja di negara ini.

Beliau kesal dengan tindakan mereka mengugut Malaysia dalam usaha menggurukan keistimewaan Skim Keutamaan Am (GSP) yang dinikmati oleh industri elektronik di negara ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas usaha Pertubuhan Tabung Pendidikan dan Penyelidikan Hak Asasi Pekerja Antarabangsa (ILRERF) yang akan mengemukakan petisen kepada kerajaan Amerika Syarikat supaya mengugurkan Malaysia daripada skim GSP.

"Adalah dikesalkan kerana ada pihak di sini menyokong orang asing itu untuk mengugut negara sendiri. Tindakan mereka itu secara langsung menyekat kebebasan kita hingga terpaksa tunduk kepada orang lain.

● LIHAT MUKA 1

Taraf GSP mungkin ditarik balik

● LIHAT MUKA 1

Taraf GSP yang selama ini menghasilkan nilai eksport barangan elektronik bernilai \$2,000 juta ke Amerika Syarikat, kini menghadapi kemungkinan ditarik balik berikutan petisen Tabung Pendidikan dan Penyelidikan Hak Pekerja Antarabangsa (ILRERF) yang berpejabat di Washington.

Bagaimanapun, Encik V David menafikan bahawa kehilangan GSP akan menyebabkan beribu-ribu orang kehilangan kerja.

Menurutnya, pekerja akan hanya kehilangan beberapa faedah kecil yang boleh digantikan dengan kemudahan lain.

Dalam sidang akhbaranya, beliau berkata, MTUC tidak akan menyokong usaha kerajaan

menentang percubaan mengetepikan GSP kerana tindakan itu diambil memandangkan sikap sambil 'lewa' kerajaan terhadap hak pekerja negara ini.

Menurutnya, kerajaan hanya menjadi pemerhati dalam isu hak pekerja dan tidak mengambil sebarang pendirian tegas untuk melindungi mereka.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata semalam bahawa beliau tidak hairan sekiranya tiada satu pun kesatuan sekerja tampil untuk menyokong bantahan terhadap ILRERF.

Datuk Lim berkata, kesatuan perlu memberi perhatian yang sama terhadap hak pekerja dan mereka harus bekerjasama dengan kerajaan bagi mengekalkan GSP.